

## Serlahkan identiti Pekan bandar diraja

- Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
- 3 Ogos 2023, 9:38 am



IDENTITI Pekan sebagai bandar diraja perlu ditonjolkan selepas daerah berkenaan dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Pekan (MPP) berkuatkuasa 30 Julai lalu.

PEKAN: Identiti Pekan sebagai bandar diraja perlu ditonjolkan dan diserlahkan selepas daerah berkenaan dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Pekan (MPP) berkuat kuasa 30 Julai lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penduduk dari kampung Tasik Mentiga, Akid Huat, 65, berkata, kemudahan di Pekan perlu dinaik taraf supaya bandar ini

mempunyai identiti diraja sebagai contoh pondok bas dibina bercirikan tradisi Raja-raja Melayu seperti bentuk tanjak.

“Bandar ini menyimpan budaya dan peradaban kesultanan Raja-raja Melayu yang merupakan aset warisan bangsa yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang.

“Jika bandar diraja ini ditonjolkan identiti, keistimewaan serta keindahan warisan diraja, ia boleh dijadikan antara lokasi tarikan pelancongan khususnya pelancong asing,” katanya di sini semalam.

Untuk rekod, Majlis Daerah Pekan (MDP) ditubuhkan pada 1 Julai 1988.

MDP Dilancarkan secara rasmi oleh Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang ketika itu Tengku Mahkota Pahang pada 3 November 1990.

Penduduk Kampung Pulau Jawa, Azlan Mohamed, 65, berharap MPP dapat memberikan perkhidmatan yang efisien bagi memantapkan pembangunan bandar Pekan khususnya daripada segi fizikal dan peluang pekerjaan kepada rakyat.

“Rakyat juga menuntut MPP memberikan dan melaksanakan perkhidmatan berkualiti demi kecemerlangan, kepuasan dan keselesaan penduduk serta pengunjung termasuk pelancong asing ke bandar diraja ini,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Nazeri Yaakob, 64, dari Kampung Serambi berharap MPP dapat menggilap potensi sektor pelancongan kebudayaan di daerah Pekan.

Menurutnya, Pekan banyak artifak sejarah dan alam semula jadi seperti tasik, pulau, pantai, songket Pahang Diraja dan lain-lain boleh dieksplorasi seperti Muzium Negeri, Makam Sultan Muhamad Shah dan Masjid Putih.

Seorang penduduk dari Kampung Gancong, Kamaruddin Ahad, 65, berkata, lebih membanggakan daerah itu dinaik taraf menjadi MPP sempena Hari Keputeraan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ke-64.

“Saya berbangga Pekan tempat saya dilahirkan dan mendapat pendidikan semakin berkembang maju, selesa, dan apa yang penting selamat didiami dan dikunjungi,” katanya.-UTUSAN